

## **IMPAK PANDEMIK COVID-19 TERHADAP AMALAN SOLAT BERJEMAAH DI MASJID DALAM KALANGAN MASYARAKAT ISLAM DI SIMPANG RENGAM, JOHOR**

**Muhammad Norazam Nordin**

azamnordin@kuim.edu.my

Fakulti Keilmuan Islam, Kolej Universiti Islam Melaka

### **Article history:**

*Received* : 24 October 2021

*Accepted* : 19 November 2021

*Published* : 16 Disember 2021

### **Abstrak**

Kajian tinjauan ini bertujuan untuk mengkaji impak pandemik COVID-19 kepada amalan solat berjemaah di masjid dalam kalangan masyarakat Islam di Simpang Renggam, Johor. Selain itu, kajian ini dilakukan untuk mengetahui kepentingan amalan solat berjemaah di masjid dalam kehidupan harian masyarakat Islam di Simpang Renggam, Johor. Kajian ini melibatkan penduduk di Simpang Renggam tidak kira umur, pendidikan, status dan pekerjaan. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah satu set borang soal selidik. Analisis data secara deskriptif dan dilakukan dengan perisian SPSS. Dapatan kajian menunjukkan bahawa amalan solat berjemaah memainkan peranan penting dalam kehidupan sehari-hari terutama impak dari pandemik COVID-19, membawa kesan kepada ketua keluarga untuk menjalankan tanggungjawab. Di samping itu, hasil kajian mendapati wujud hubungan signifikan antara amalan solat berjemaah dengan garis panduan solat berjemaah di masjid semasa pandemik COVID-19.

**Kata kunci:** Pandemik COVID-19, Solat Berjemaah Di Masjid, Kepentingan Amalan Solat Berjemaah.

## **THE IMPACT OF THE COVID-19 PANDEMIC ON THE PRACTICE OF CONGREGATIONAL PRAYER IN THE MOSQUE AMONG THE MUSLIM COMMUNITY AT SIMPANG RENGAM, JOHOR**

### **Abstract**

This survey study aims to examine the impact of the COVID-19 pandemic on the practice of congregational prayer in mosques among the Muslim community in Simpang Renggam, Johor. In addition, this study was conducted to determine the importance of the practice of congregational prayer in the mosque in the daily life of the Muslim community in Simpang Renggam, Johor. This study involved residents in Simpang Renggam regardless of age, education, status and occupation. The instrument used in this study was a set of questionnaire forms. Descriptive and inferential data analysis was performed with SPSS software. The findings of the study indicate that the practice of congregational prayer plays an important role in daily life especially the impact of the COVID-19 pandemic, impacting the head of the family to carry out responsibilities. In addition, the results of the study found that there was a significant relationship between the practice of congregational prayer with the guidelines of congregational prayer in mosques during the COVID-19 pandemic.

**Keywords:** COVID-19 Pandemic, Congregational Prayer In Mosques, Importance Of The Practice Of Congregational Prayer

## **A. Latar Belakang**

Negara kita Malaysia diuji dengan pandemik COVID-19, pelbagai langkah telah diusahakan oleh pihak kerajaan bagi mengekang dan membendung penularan wabak penyakit berjangkit ini. Sehingga hari ini, begitu banyak Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan bagi menjayakan usaha tersebut. Mengambil tanggungjawab dan langkah yang sama, Pejabat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) semenjak awal kemunculan pandemik COVID-19 ini, telah mengadakan perbincangan berkala dengan pihak-pihak berkuasa agama negeri, bagi menyusun dan menetapkan garis panduan serta SOP Masjid dan Surau sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berlangsung.

Umum mengetahui bahawa solat fardhu lima waktu adalah merupakan benteng yang paling ampuh bagi setiap muslim untuk menyekat dan menahan dirinya daripada melakukan maksiat dan dosa. Apatah lagi ianya akan lebih berkesan jika dilakukan solat fardhu tersebut dengan berjemaah bersama keluarga lebih-lebih lagi di situasi pandemik COVID-19 ini. Menurut Hasna Bidin, Ahmad Syukran Baharuddin (2016), menyatakan solat berjemaah mengandungi banyak kelebihan dan fadhilat yang akan dikecapi oleh setiap individu muslim yang melaksanakannya.

Umat Islam perlu kembali berlumba-lumba menunaikan solat berjemaah disamping mengajak dan menyeru orang lain untuk turut serta solat berjemaah (Mohd Subki, 2011). Hal yang demikian ini akan mengembalikan kegemilangan umat Islam seperti zaman Rasulullah SAW dan para sahabatnya yang menjadikan solat berjemaah sebagai rutin harian mereka bagi menzahirkan kekuatan umat Islam serta membangkitkan kelazatan beribadah kepada Allah SWT. Oleh yang demikian, satu kajian tentang impak pandemik COVID-19 dalam kalangan masyarakat Islam di Simpang Renggam, Johor yang mempengaruhi pelaksanaan ibadat solat berjemaah wajar dijalankan. Kajian ini wajar dijalankan untuk mengenal pasti kesan dan kepentingan yang menyumbang kepada pelaksanaan solat berjemaah agar dapat dijadikan panduan kepada masyarakat Islam seluruh dunia. Dengan ini Islam menunjukkan bahawa betapa eratnya ikatan setiap saudara seislam seluruh dunia dalam melaksanakan perintah wajib dari Allah SWT.

Antara amalan yang tidak pernah ditinggalkan oleh baginda Rasulullah SAW di dalam hidup baginda sehinggalah baginda wafat ialah solat berjemaah. Ia menjadi senjata kepada Rasulullah SAW dan para sahabat serta orang-orang mukmin untuk memperkasakan rohani dan iman, kerana didalamnya ada doa dan munajat. Solat berjemaah di samping mempunyai pahala yang sangat banyak. Ia juga mempunyai pelbagai hikmah dan keistimewaan di sebalik pensyariatannya.

Menurut Hilmi Bin Ismail (2010) kajian ini boleh menjadi panduan kepada Jabatan Agama Islam Negeri, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Institusi Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) atau badan-badan NGO dalam merangka program-program untuk memantapkan lagi institusi kekeluargaan dan kemasyarakatan di negara ini. Kemantapan institusi kekeluargaan dan kemasyarakatan sebenarnya mampu dijelmakan melalui kemantapan ibadah solat seseorang hamba. Kajian ini juga diharapkan dapat memberi sumbangan kepada khazanah ilmu kerana penerokaan dalam bidang ini akan menambahkan lagi maklumat semasa mengenai usaha yang sepatutnya dilakukan oleh para ibu bapa dan para pendidik di negara ini. Di samping itu, kajian ini juga akan dapat membantu para

penyelidik untuk meneruskan penyelidikan yang seterusnya dalam bidang ini serta dalam ilmu lain yang berkaitan dengannya.

## **B. Rumusan Masalah**

- i. Bagaimanakah impak pandemik COVID-19 memberi kesan kepada amalan solat berjemaah di masjid dalam kalangan masyarakat Islam di Simpang Renggam, Johor?
- ii. Apakah kepentingan amalan solat berjemaah di masjid dalam kalangan masyarakat Islam di Simpang Renggam, Johor?
- iii. Adakah garis panduan solat berjemaah di masjid semasa pandemik COVID-19 diperlukan?

## **BAHAN DAN METODE**

### **I. Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini adalah berbentuk deskriptif dengan menggunakan kaedah tinjauan iaitu penyelidikan kuantitatif. Reka bentuk ini digunakan untuk melihat dan menilai impak pandemik COVID-19 terhadap amalan solat berjemaah di masjid dalam kalangan masyarakat Simpang Renggam, Johor. Reka bentuk ini digunakan kerana difikirkan paling sesuai untuk mendapat maklumat data daripada sampel dalam populasi yang besar jumlahnya.

Melalui kaedah ini satu set soal selidik digunakan untuk dijawab oleh responden. Ia juga adalah penyelidikan kuantitatif berbentuk kajian tinjauan di mana melibatkan penggunaan soal selidik atau maklumat statistik untuk mengumpulkan data mengenai sesuatu populasi, pemikiran atau tingkah laku responden. Analisis deskriptif seperti min, mod, median, peratus dan kekerapan akan dijalankan untuk mendapatkan maklumat dan data mengenai perkara diatas melalui sampel yang diperolehi daripada responden.

### **II. Populasi Dan Persampelan**

Populasi kajian terdiri daripada masyarakat Islam di Simpang Renggam, Johor, seramai 50 orang responden akan diambil sebagai sampel kajian. Dalam teori kaedah penyelidikan, jumlah yang lebih banyak adalah lebih baik dan lebih bertambah keyakinan terhadap dapatan hasil kajian serta dapat mengurangkan ralat persampelan.

Pemilihan sampel sebagai responden adalah pemilihan secara rawak. Ciri-ciri tersebut ialah masyarakat Islam. Mempunyai tahap pencapaian akademik yang berbagai iaitu tinggi, sederhana dan rendah. Hanya terdiri daripada masyarakat yang beragama Islam. Datang daripada keluarga yang mempunyai status sosio ekonomi yang berbeza. Daripada ciri-ciri yang telah ditetapkan, responden akan dipilih menggunakan persampelan rawak mudah, yang memberi peluang sama kepada semua responden untuk dipilih di Simpang Renggam, Johor.

### **III. Instrumen Kajian (Soal Selidik)**

Penyelidikan pendidikan seperti ini juga merupakan penyelidikan sosial sering menggunakan populasi yang besar. Oleh itu, penggunaan soal selidik sebagai alat ukur adalah lebih praktikal dan berkesan kerana dapat membantu mengurangkan perbelanjaan, masa dan tenaga bagi pengumpulan data. Soal selidik merupakan satu bentuk instrumen yang banyak digunakan oleh

penyelidik-penyelidik dalam bidang pendidikan untuk memperolehi fakta tentang suatu keadaan dan amalan yang sedang berlaku. Di samping juga digunakan untuk mengkaji berkenaan dengan sikap dan pendapat tentang sesuatu perkara. Menurut Mohd Najib Ghafar (1999), menyatakan soal selidik merupakan alat ukur yang digunakan dalam penyelidikan untuk mendapatkan maklumat yang cepat dan tepat terutamanya dalam fakta-fakta kepercayaan, perasaan dan sebagainya.

## HASIL

Kajian ini dijalankan ke atas masyarakat Islam di Simpang Renggam, Johor seramai 50 orang responden. Pengkaji menganalisis data dan hasil dapatan kajian dengan menggunakan kaedah analisis *Statistical of Social Science* (SPSS). Semua data yang diperolehi telah dianalisis bagi mendapatkan jawapan daripada setiap item di dalam borang soal selidik.

Bagi penganalisan data pengkaji telah membahagikan borang soal selidik kepada empat bahagian. Bahagian pertama iaitu bahagian A menyentuh profil responden. Bahagian ini adalah bahagian yang merekodkan maklumat dan latar belakang umum responden yang menjadi objek kajian. Bahagian kedua pula iaitu bahagian B menyentuh tentang impak COVID-19 dalam amalan solat berjemaah. Soalan-soalan yang dikemukakan adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat tentang amalan solat berjemaah terkesan disebabkan impak pandemik COVID-19. Soalan tersebut juga adalah untuk mengetahui sejauh mana pandemik COVID-19 ini memberi kesan dalam amalan solat berjemaah dalam kalangan masyarakat Islam.

Bahagian ketiga pula iaitu bahagian C menyentuh tentang kepentingan amalan solat berjemaah di masjid. Bahagian ini juga adalah untuk mengukur dan mengenalpasti tahap pengetahuan responden terhadap kepentingan amalan solat berjemaah di masjid. Bahagian keempat pula iaitu bahagian D adalah mengukur garis panduan solat berjemaah di masjid semasa pandemik COVID-19. Ia merangkumi persoalan pembudayaan norma baharu dalam melakukan ibadah di masjid dalam garis panduan penjarakan fizikal.

Bagi tujuan untuk interpretasi tahap data deskriptif kajian pula, dapatan kajian telah dianalisis berdasarkan pada jadual interpretasi dapatan deskriptif seperti dalam jadual 4.1 berikut.

### *Jadual Interpretasi Dapatan Deskriptif*

SKOR MIN	INTERPRETASI
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.66	Sederhana
3.67 – 5.00	Tinggi

Keputusan analisis kajian ini akan dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Bahagian I dan Bahagian II. Bahagian I ialah Bahagian A merupakan keputusan deskriptif dapatan kajian untuk melihat taburan responden mengikut beberapa ciri demografi yang telah dipilih. Bahagian II pula mempunyai B, C dan D adalah keputusan deskriptif dapatan kajian yang akan menghuraikan analisis kajian berdasarkan pada objektif kajian menerusi taburan min dan peratusan yang telah dikaji.

#### 1. Dapatan Kajian Hipotesis Kajian (Bahagian II)

Keputusan deskriptif dalam bahagian ini dianalisis mengikut objektif kajian yang telah ditetapkan. Pengkaji akan menyusun setiap item dan menganalisis taburan kekerapan bagi setiap skala yang diberikan dalam borang soal selidik. Nilai min dan sisihan piawai di Bahagian C dan D untuk setiap item juga dinyatakan bagi menunjukkan purata keseluruhan skala yang dipilih oleh sampel kajian. Interpretasi nilai min ini dibuat berdasarkan Jadual 4.1 seperti mana yang telah dinyatakan sebelum ini iaitu interpretasi dapatan deskriptif kajian.

### 1.1 Impak COVID-19 Dalam Amalan Solat Berjemaah

*Jadual 1.1 Impak COVID-19 Dalam Amalan Solat Berjemaah*

Soalan	Ya	Tidak
B1 Adakah larangan aktiviti ibadat semasa COVID-19 dalam kalangan umat Islam di Malaysia selari dengan syariat serta wajib diikuti oleh seluruh masyarakat muslim di Malaysia?	40 (80%)	10 (20%)
B2 Adakah arahan untuk solat Zohor di rumah bagi menggantikan solat Jumaat di masjid ketika pandemik COVID-19 memberi kesan langsung?	45 (90%)	5 (10%)
B3 Adakah semasa COVID-19 ini, anda rasa terpaksa untuk melaksanakan solat tarawih di rumah pada bulan ramadan?	28 (56%)	22 (44%)
B4 Adakah kehadiran COVID-19 mengubah norma sosial dalam hubungan kemasyarakatan?	47 (94%)	3 (6%)
B5 Ketika pandemik COVID-19, adakah membuka peluang kepada para suami untuk memimpin sembahyang berjemaah, solat sunat Terawih dan Eidul Fitri di rumah masing-masing?	46 (92%)	4 (8%)
B6 Adakah ketua keluarga perlu menjadi contoh yang baik untuk memimpin keluarganya supaya menjadi sebuah keluarga yang lebih baik?	48 (96%)	2 (4%)
B7 Adakah keluarga anda melakukan solat jemaah di rumah ketika pandemik COVID-19?	40 (80%)	10 (20%)

*Sumber: SPSS Soal Selidik*

Jadual menunjukkan bilangan dan peratus responden yang menjawab “B1 Adakah larangan aktiviti ibadat semasa COVID-19 dalam kalangan umat Islam di Malaysia selari dengan syariat serta wajib diikuti oleh seluruh masyarakat muslim di Malaysia?”. Berdasarkan jadual seramai 80% responden menjawab soalan dengan ya dan hanya 20% responden menjawab dengan

tidak. Jadual juga menunjukkan bilangan dan peratus responden yang menjawab “B2 Adakah arahan untuk solat Zohor di rumah bagi menggantikan solat Jumaat di masjid ketika pandemik Covid-19 memberi kesan langsung?”. Berdasarkan jadual seramai 45 bersamaan 90% responden menjawab soalan dengan ya dan 10% responden menjawab dengan tidak iaitu seramai 5 orang responden. Responden yang menjawab “B3 Adakah semasa COVID-19 ini, anda rasa terpaksa untuk melaksanakan solat tarawih di rumah pada bulan ramadan?”. Berdasarkan jadual seramai 28 bersamaan 56% responden menjawab soalan dengan ya, dan 44% responden menjawab dengan tidak. Bilangan dan peratus responden yang menjawab “B4 Adakah kehadiran Covid-19 mengubah norma sosial dalam hubungan kemasyarakatan?”. Berdasarkan jadual seramai 47 bersamaan 94% responden menjawab soalan dengan ya, dan 6% responden menjawab dengan tidak.

Bilangan dan peratus responden yang menjawab “B5 Ketika pandemik COVID-19, adakah membuka peluang kepada para suami untuk memimpin sembahyang berjemaah, solat sunat Terawih dan Eidul Fitri di rumah masing-masing?”. Berdasarkan jadual seramai 46 bersamaan 92% responden menjawab soalan dengan ya, dan 8% responden menjawab dengan tidak. Bilangan dan peratus responden yang menjawab “B6 Adakah ketua keluarga perlu menjadi contoh yang baik untuk memimpin keluarganya supaya menjadi sebuah keluarga yang lebih baik?”. Berdasarkan jadual seramai 48 bersamaan 96% responden menjawab soalan dengan ya dan 4% responden menjawab dengan tidak. Responden yang menjawab “B7 Adakah keluarga anda melakukan solat jemaah di rumah ketika pandemik COVID-19?”. Berdasarkan jadual seramai 40 bersamaan 80% responden menjawab soalan dengan ya dan 20% responden menjawab dengan tidak.

## 1.2 Kepentingan Amalan Solat Berjemaah Di Masjid

*Jadual 1.2 Kepentingan Amalan Solat Berjemaah Di Masjid*

Kepentingan Amalan Solat Berjemaah Di Masjid	Min	Sisihan Piawai	Tahap/ Interpretasi
C1 Solat merupakan ibadat pertama yang difardhukan ke atas umat Islam.	4.98	0.14	Tinggi
C2 Solat berjemaah seakan bonus berganda untuk orang Muslim.	4.92	0.57	Tinggi
C3 Solat dapat menghapuskan dosa yang dilakukan.	4.92	0.40	Tinggi
C4 Solat mampu melahirkan individu yang berdisiplin dalam pelbagai aspek.	4.94	0.31	Tinggi
C5 Dengan solat perbuatan keji dan mungkar dapat dihindari.	4.96	0.20	Tinggi

C6 Solat berjemaah membolehkan seorang Muslim itu untuk bertemu, berkomunikasi dan berhubung dengan sesama Muslim di masjid.	4.88	0.39	Tinggi
C7 Solat berjemaah membolehkan seorang Muslim itu menghargai nikmat persaudaraan atau ukhuwah yang dipraktikkan di dalam Islam.	4.92	0.27	Tinggi
Min Keseluruhan	4.93	0.18	Tinggi

Sumber: SPSS Soal Selidik

Berdasarkan jadual 4.3.2., menunjukkan hasil analisis kepentingan amalan solat berjemaah di masjid mendapati berada pada tahap tertinggi dengan min keseluruhan = 4.93 dan sisihan piawai = 0.18. Kepentingan amalan solat berjemaah di masjid dalam kehidupan harian umat Islam ketika pandemik COVID-19 memberi impak yang besar di seluruh dunia.

Namun begitu, terdapat tiga kepentingan amalan solat berjemaah di masjid yang tertinggi nilainya iaitu “solat merupakan ibadat pertama yang difardhukan ke atas umat Islam” mendapat nilai min = 4.98 iaitu tinggi dan sisihan piawai = 0.14. Seterusnya “dengan solat perbuatan keji dan mungkar dapat dihindari” mendapat nilai min = 4.96 iaitu tinggi dan sisihan piawai = 0.20, dan akhir sekali merupakan “solat mampu melahirkan individu yang berdisiplin dalam pelbagai aspek” mendapat nilai min = 4.94 iaitu tinggi dan sisihan piawai = 0.31.

### 1.3 Garis Panduan Solat Berjemaah Di Masjid Semasa Pandemik COVID-19

Jadual 1.3 Garis Panduan Solat Berjemaah Di Masjid Semasa Pandemik COVID-19

Garis Panduan Solat Berjemaah Di Masjid Semasa Pandemik Covid-19	Min	Sisihan Piawai	Tahap/ Interpretasi
D1 Pembudayaan norma baharu dalam ibadah telah diterima secara positif meskipun ada sedikit cabaran di dalam perlaksanaannya.	4.32	0.98	Tinggi
D2 Perlu kerap mencuci tangan menggunakan air dan sabun atau hand sanitizer ketika pergi dan pulang dari masjid atau surau.	4.82	0.44	Tinggi
D3 Amalan bersalam-salaman selepas solat fardhu secara berjemaah juga boleh ditangguhkan untuk sementara waktu.	4.34	1.21	Tinggi
D4 Mengadakan kaunter di pintu masuk yang dihadkan bilangannya bagi memeriksa suhu badan, hand sanitizer tangan serta rekod kehadiran Jemaah.	4.42	1.23	Tinggi

D5 Saya bersetuju semasa COVID-19 ini, penjarakan antara ahli jemaah adalah sejauh 1 meter antara satu sama lain dan jemaah diwajibkan memakai penutup muka (face mask).	4.20	1.40	Tinggi
D6 Semua ahli Jemaah yang hadir hendaklah mengambil wuduk dan membawa sejadah masing-masing sebelum hadir ke masjid.	4.54	1.05	Tinggi
Min Keseluruhan	4.44	0.86	Tinggi

Sumber: SPSS Soal Selidik

Berdasarkan jadual 4.3.3, menunjukkan hasil analisis mendapati garis panduan solat berjemaah di masjid semasa pandemik COVID-19 berada pada tahap tertinggi dengan min keseluruhan = 4.44 dan sisihan piawai = 0.86. Usaha pencegahan wabak COVID-19 juga membabitkan urusan ibadah yang mana perlu mengikut garis panduan yang ditetapkan.

Namun begitu, antara tiga persoalan yang tertinggi ialah “perlu kerap mencuci tangan menggunakan air dan sabun atau hand sanitizer ketika pergi dan pulang dari masjid atau surau” merupakan nilai min = 4.82 yang paling tinggi dan sisihan piawai = 0.44. Selain itu, “semua ahli Jemaah yang hadir hendaklah mengambil wuduk dan membawa sejadah masing-masing sebelum hadir ke masjid” merupakan nilai min = 4.54 merupakan tinggi dan sisihan piawai = 1.05 dan teknik yang terakhir merupakan “mengadakan kaunter di pintu masuk yang dihadkan bilangannya bagi memeriksa suhu badan, hand sanitizer tangan serta rekod kehadiran Jemaah” merupakan nilai min = 4.42 menunjukkan tinggi dan sisihan piawai = 1.23.

## 2. Maklumat Deskriptif Responden (Bahagian I)

Keputusan deskriptif yang diperolehi dalam Bahagian A ini adalah untuk melihat taburan responden mengikut ciri-ciri demografi yang telah dipilih. Terdapat lima pemboleh ubah yang telah dipilih bagi mewakili demografi iaitu jantina, umur, status perkahwinan, taraf pendidikan dan sektor pekerjaan. Sebanyak 20 soalan soal selidik telah diedarkan kepada 50 responden di Simpang Renggam, Johor.

### 2.1 Taburan Responden Mengikut Jantina

Jadual 2.1 Taburan Responden Mengikut Jantina

Jantina	Bilangan Sampel	Peratus(%)
Lelaki	26	52.0
Perempuan	24	48.0
Jumlah	50	100.0

Sumber: SPSS Soal Selidik

Taburan responden mengikut jantina menunjukkan bahawa frekuensi bagi responden lelaki adalah lebih besar daripada responden perempuan. Terdapat 26 orang responden lelaki yang



mewakili 52% daripada sampel kajian manakala 24 orang responden perempuan yang mewakili 48% daripada sampel kajian.

## 2.2 Taburan Responden Mengikut Umur

*Jadual 2.2 Taburan Responden Mengikut Umur*

Umur	Bilangan Sampel	Peratus(%)
Bawah 18 tahun	8	16.0
19 hingga 30 tahun	17	34.0
31 hingga 40 tahun	13	26.0
41 hingga 50 tahun	5	10.0
Lebih 51 tahun dan ke atas	7	14.0
Jumlah	50	100.0

*Sumber: SPSS Soal Selidik*

Taburan data responden mengikut umur menunjukkan bahawa frekuensi bagi peringkat umur bawah 18 tahun sebanyak 16% daripada sampel kajian iaitu seramai 8 orang responden. Bagi peringkat umur 19 hingga 30 tahun pula antara jumlah responden yang tertinggi sebanyak 34% daripada sampel kajian iaitu seramai 17 orang responden. Manakala peringkat umur 31 hingga 40 tahun pula kedua tertinggi sebanyak 26% daripada sampel kajian iaitu seramai 13 orang responden. Untuk peringkat umur 41 hingga 50 tahun adalah jumlah responden yang paling rendah sebanyak 10% daripada sampel kajian iaitu hanya seramai 5 orang responden sahaja. Seterusnya peringkat umur lebih 51 tahun dan ke atas sebanyak 14% daripada sampel kajian iaitu seramai 7 orang responden.

## 2.3 Taburan Responden Mengikut Status Perkahwinan

*Jadual 2.3 Taburan Responden Mengikut Status Perkahwinan*

Status Perkahwinan	Bilangan Sampel	Peratus(%)
Bujang	23	46.0
Berkahwin	27	54.0
Jumlah	50	100.0

*Sumber: SPSS Soal Selidik*

Taburan responden telah menunjukkan bahawa bilangan responden yang telah berkahwin melebihi bilangan responden yang masih bujang. Responden yang telah berkahwin adalah sebanyak 54% yang terdiri daripada 27 orang manakala responden yang masih bujang adalah 46% yang terdiri daripada 23 orang.

## 2.4 Taburan Responden Mengikut Taraf Pendidikan

*Jadual 2.4 Taburan Responden Mengikut Taraf Pendidikan*

Taraf Pendidikan	Bilangan Sampel	Peratus(%)
Tiada	1	2.0
SPM	15	30.0
STPM/STAM/DIPLOMA/ SETARAF	10	20.0
IJAZAH	15	30.0
Lain-lain	9	18.0
Jumlah	50	100.0

Sumber: SPSS Soal Selidik

Taburan responden telah menunjukkan masyarakat di Simpang Renggam kebanyakannya berpendidikan. Hanya 2% yang terdiri 1 orang responden sahaja bagi yang tiada taraf pendidikan. Manakala bagi SPM dan Ijazah pula mempunyai jumlah yang sama iaitu sebanyak 30% yang terdiri daripada 15 orang responden. Taraf pendidikan bagi STPM, STAM, Diploma dan setaraf pula sebanyak 20% yang terdiri daripada 10 orang responden. Jumlah bagi lain-lain taraf pendidikan pula sebanyak 18% yang terdiri daripada 9 orang responden.

## 2.5 Taburan Responden Mengikut Sektor Pekerjaan

Jadual 2.5 Taburan Responden Mengikut Sektor Pekerjaan

Sektor Pekerjaan	Bilangan Sampel	Peratus(%)
Kerajaan	15	30.0
Swasta	4	8.0
Bekerja sendiri	4	8.0
Tidak bekerja	12	24.0
Pelajar	15	30.0
Jumlah	50	100.0

Sumber: SPSS Soal Selidik

Taburan data responden mengikut pekerjaan menunjukkan bahawa sebanyak 30% terdiri daripada sektor kerajaan seramai 15 orang responden. Peratusan responden bagi swasta dan bekerja sendiri mendapat jumlah yang sama iaitu sebanyak 8% terdiri daripada 4 orang responden masing-masing. Manakala bagi tidak bekerja pula adalah sebanyak 24% yang terdiri daripada 12 orang responden. Bagi peratusan untuk pelajar pula, sampel kajian telah menunjukkan 30% yang terdiri daripada 15 orang responden.

## PEMBAHASAN

### 1. Impak COVID-19 dalam amalan solat berjemaah

Berdasarkan kepada dapatan kajian, terdapat beberapa impak COVID-19 dalam amalan solat berjemaah yang memberi kesan bukan sahaja dari segi ekonomi negara, malah kehidupan harian seperti penjarakan fizikal yang mana terkesan juga kepada solat berjemaah di masjid. Antara impak tersebut adalah ketua keluarga perlu menjadi contoh yang baik untuk memimpin

keluarganya supaya menjadi sebuah keluarga yang lebih baik. Ia bermakna sebagai seorang ketua keluarga perlu ada ilmu keagamaan mengikut sunnah Rasulullah SAW untuk memimpin sebuah keluarga ke arah yang lebih baik dan yang paling penting adalah memimpin keluarga dengan menjadi imam solat fardhu.

Selain itu, kehadiran COVID-19 mengubah norma sosial dalam hubungan kemasyarakatan. Yang mana semua orang perlu duduk di rumah jika tiada keperluan untuk keluar rumah. Ia juga memberi kesan kepada orang yang duduk rumah seorang diri kerana lebih berisiko seperti tiada sesiapa mengetahui keadaan semasa ketika keadaan sakit atau sihat. Boleh juga berlaku kemurungan kerana terlalu lama duduk di rumah dan seorang diri disebabkan tiada aktiviti yang boleh dilakukan. Ia dapat dibuktikan dengan banyak akhbar-akhbar dan berita di televisyen melaporkan kes seperti berikut sehingga kerajaan dan agensi-agensi NGO mengambil tindakan dengan menyediakan perkhidmatan kesihatan mental atas talian dan banyak nasihat diberikan di laman sosial, radio dan televisyen bagi mengatasi perlunya sentiasa mengambil berat dalam hubungan kemasyarakatan.

Seterusnya, arahan untuk solat Zohor di rumah bagi menggantikan solat Jumaat di masjid ketika pandemik COVID-19 memberi kesan langsung. Yang mana bukan semua orang menerimanya, bahkan ada yang masih berdegil lagi untuk pergi ke masjid bagi menunaikan solat Jumaat. Menurut Zulkifli Muhamad Al-Bakri (2020) mengatakan bahawa solat Jumaat tidak boleh dibatalkan, melainkan di tempat-tempat di mana virus tersebut telah menjadi satu epidemik yang tersebar secara meluas. Jadi selepas COVID-19 telah merebak luas, maka merujuk kepada fatwa dan keputusan mufti-mufti serta ulama seluruh dunia, meskipun hukumnya adalah wajib bagi mereka yang memenuhi tujuh syarat, iaitu beragama Islam, baligh, berakal, merdeka (bebas) sepenuhnya, lelaki dan sihat tubuh badan, namun berdasarkan keadaan semasa penularan wabak COVID-19 hukumnya bertukar kepada tidak wajib.

## 2. Kepentingan amalan solat berjemaah di masjid

Hasil daripada kajian ini, pengkaji mendapati terdapat kepentingan amalan solat berjemaah di masjid. Antaranya ialah solat merupakan ibadat pertama yang difardhukan ke atas umat Islam, dengan solat perbuatan keji dan mungkar dapat dihindari dan solat mampu melahirkan individu yang berdisiplin dalam pelbagai aspek. Solat adalah antara amalan-amalan yang Allah SWT telah janjikan pahala berganda kepada semua umatNya yang mendirikan solat secara berjemaah. Mendirikan solat berjemaah di masjid atau surau bagi kaum lelaki adalah satu perkara yang sangat-sangat dituntut oleh hukum syarak dan dalam Islam itu sendiri. Ganjaran pahala yang amat besar dikurniakan oleh Allah SWT kepada kita jika menunaikan solat berjemaah dan banyak kelebihan solat berjemaah yang kita tidak ketahui.

## 3. Garis panduan solat berjemaah di masjid semasa pandemik COVID-19

Hasil daripada dapatan kajian yang telah dibuat, pengkaji telah mendapat garis panduan solat berjemaah di masjid semasa pandemik COVID-19 bagi langkah berjaga-jaga yang dikeluarkan oleh KKM dan kerajaan negeri masing-masing. Antaranya ialah perlu kerap mencuci tangan menggunakan air dan sabun atau hand sanitizer ketika pergi dan pulang dari masjid atau surau. Selain itu, Semua ahli Jemaah yang hadir hendaklah mengambil wuduk dan membawa sejadah masing-masing sebelum hadir ke masjid. Seterusnya, mengadakan kaunter di pintu masuk yang dihadkan bilangannya bagi memeriksa suhu badan, hand sanitizer tangan serta rekod kehadiran Jemaah. Garis panduan ini bukan sahaja terhad bagi penjarakan fizikal dan kebersihan semata-mata, malah ia meliputi pelaksanaan solat Jemaah dan Jumaat iaitu sebelum, semasa dan

selepas bagi memendekkan waktu pelaksanaannya. Jelas sekali garis panduan ini tidaklah melanggar syariah malah wajib dilakukannya untuk mencegah jangkitan COVID-19 ini yang boleh membawa maut.

## **KESIMPULAN DAN SARANAN**

### **1. Kesimpulan**

Sesungguhnya pandemik COVID-19 telah menguji kita dalam serba serbi kehidupan sama ada dalam aspek ekonomi, sosial, budaya, ibadat dan acara keagamaan serta pelbagai lagi (Burhanuddin Jalal, Amnah Saayah Ismail, Sayuti Ab Ghani, 2019). Saban hari angka mereka yang dijangkiti dan mereka yang menemui ajal akibat pandemik ini semakin meningkat. Setakat ini di seluruh dunia, belum ada tanda-tanda bahawa ia akan reda dalam masa terdekat. Namun demikian, walaupun Malaysia pada awalnya dapat mengawal catatan angka yang kecil dan boleh dikawal, pada ketika ini negara kita mencatatkan kes yang semakin meningkat dan masyarakat lelah dengan keadaan duduk di rumah dan juga ekonomi negara yang tidak berjalan stabil. Akan tetapi ramai masyarakat Malaysia yang bertimbang rasa dan bertanggungjawab terhadap situasi negara saat ini. Dengan mengambil tindakan yang sewajarnya bagi meneruskan kehidupan norma baharu ini dengan mematuhi SOP, memakai penutup muka, penjarakan 1 meter, scan My Sejahtera, tidak merentas negeri dan sebagainya.

Secara umumnya, pengkaji dapat merumuskan bahawa kajian ini merupakan kajian yang dapat mengenal pasti impak pandemik COVID-19 kepada amalan solat berjemaah di masjid dalam kalangan masyarakat di Simpang Renggam, Johor. Jelas ia memberi kesan kepada masyarakat, kesan dalam amalan solat berjemaah dan kesan terhadap peranan ketua keluarga dalam melaksanakan ibadah. Berdasarkan dapatan kajian di atas jelas menunjukkan bahawa COVID-19 sangat memberi impak yang besar dalam kehidupan norma baharu hari ini. Walaupun begitu, ia amat memberi kesan yang baik seperti kesedaran masyarakat tentang penjagaan kebersihan sendiri, peranan tanggungjawab ketua keluarga menjadi imam solat berjemaah dan kebaikan solat berjemaah bersama ahli keluarga.

Hasil dapatan kajian juga mendapati bahawa kepentingan amalan solat berjemaah di masjid dalam kehidupan harian masyarakat Islam di Simpang Renggam, Johor. Ia merupakan lambang perpaduan umat dalam solat berjemaah yang mempunyai hikmah yang besar dalam kehidupan bermasyarakat. Solat itu juga suatu tugas atau amanah dari Allah SWT yang mesti dilakukan dengan sebaik mungkin. Solat berjemaah juga meraih berkat yang mana ganjaran pahalanya sangat besar daripada solat seorang diri iaitu 27 darjat dan mengandungi banyak hikmah seperti dengan mendirikan solat berjemaah di masjid, kita akan dapat mengeratkan silaturahmi dan menyatu-padukan masyarakat tanpa mengira bangsa, darjat atau keturunan.

Seterusnya, hasil dapatan kajian menganalisis garis panduan solat berjemaah di masjid semasa pandemik COVID-19 dalam kalangan masyarakat di Simpang Renggam, Johor. Banyak isu dan masalah yang timbul semasa pengeluaran garis panduan bagi solat berjemaah di masjid dikeluarkan. Ia juga melibatkan aplikasi kaedah-kaedah fiqh dalam isu penagguhan amalan ibadat semasa pandemik COVID-19 yang mana banyak dibahaskan. Dengan bantuan Mesyuarat Khas Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI), masyarakat lebih yakin dalam pelaksanaannya dan dapat mengelakkan rasa was-was dalam pelaksanaan ibadat yang suci ini.

Secara kesimpulannya adalah dapat dijelaskan bahawa segala pelaksanaan di dalam kajian ini menjawab kesemua persoalan-persoalan yang dipertengahan oleh pengkaji bagi mencapai ketiga-tiga objektif kajian. Dengan itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti impak pandemik COVID-19 kepada amalan solat berjemaah di masjid dalam kalangan masyarakat di Simpang Renggam, Johor. Pada masa yang sama pengkaji dapat mengetahui kepentingan amalan solat berjemaah di masjid dalam kehidupan harian masyarakat Islam di Simpang Renggam, Johor. Seterusnya, cadangan-cadangan yang dikemukakan akan dapat membantu pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan ahli-ahli majlis hal ehwal agama bagi menangani masalah-masalah yang timbul dapat diatasi dengan lebih produktif dan teratur.

## 2. Cadangan

Pengkaji akan mengemukakan cadangan-cadangan bagi kesan pandemik COVID-19 kepada amalan solat berjemaah di masjid dalam kalangan masyarakat di Simpang Renggam, Johor. Sebahagian masyarakat menganggap garis panduan dan prosedur operasi standard (SOP) membabitkan kegiatan agama sebagai menyusahkan dan tidak patut dilakukan kerana bertentangan dengan syariat Islam. Ramai juga melihat masjid dan surau ditetapkan SOP yang ketat, sebaliknya premis seperti pasar raya, pasar awam serta kedai makan dibenarkan beroperasi secara berbeza. Situasi ini menimbulkan tidak puas hati kepada mereka yang terbiasa solat berjemaah dan menjadikan masjid tempat pertemuan dengan rakan sekariah serta pusat aktiviti keilmuan. Cadangan pertama adalah masyarakat wajar dijelaskan kebarangkalian jangkitan jika norma baharu tidak diikuti ketika berada dan menunaikan ibadat di tempat terbabit.

Cadangan yang kedua bagi mengetahui kepentingan amalan solat berjemaah di masjid dalam kehidupan harian masyarakat Islam di Simpang Renggam, Johor. Walaupun terdapat banyak kebaikan menunaikan solat berjemaah di masjid seperti dapat bergaul dengan masyarakat setempat dan dapat mengimarahkan masjid. Janganlah kita terus tidak mengambil peduli keadaan masyarakat setempat terutama jiran tetangga. Di situasi seperti ini tidak dapat kita jangkakan keadaan yang akan berlaku seperti banyak keluar di akhbar-akhbar dan berita di televisyen bahawa ada ditemukan orang mati di rumah disebabkan kuarantin diri dari penyakit COVID-19 dan mati sekeluarga di rumah disebabkan perkara yang sama juga. Selain itu, banyak ahli keluarga yang terputus bekalan makanan dan dibuang pekerjaan semasa pandemic COVID-19 ini. Cadangannya di sini perlulah sentiasa mengambil berat keadaan sekeliling masyarakat terutama jiran tetangga dan sanak saudara yang duduk berjauhan dengan bertanya khabar berita keadaan semasa mereka melalui telefon dan whatsapp. Demikian juga banyak NGO dan bantuan prihatin dari kerajaan membantu rakyat yang memerlukan seperti bantuan barangan dapur dan bantuan pemberian wang tunai secara berperingkat.

Cadangan yang ketiga dalam menganalisis garis panduan solat berjemaah di masjid semasa pandemik COVID-19 dalam kalangan masyarakat di Simpang Reanggam, Johor. Bagaimanapun, ada banyak rungutan orang awam kerana masjid dilihat terlalu ketat hingga menyukarkan untuk menunaikan solat berjemaah, termasuk apabila berada di luar kawasan. Pembukaan semula Masjidil Haram dan Masjid Nabawi kepada orang awam, patut dicontohi. Bilangan Jemaah ditetapkan mengikut keluasan masjid. Sistem tempahan untuk solat berjemaah dicadangkan untuk dilaksanakan. Ia harus memberi keutamaan kepada Jemaah yang tidak mempunyai sakit kronik dan golongan berisiko tinggi mendapat komplikasi serius jika dijangkiti. Pengguna sistem ini perlu mempunyai komitmen tinggi untuk hadir pada tarikh dan waktu tempahan. Sesetengah masjid atau surau juga memberikan keutamaan solat Jumaat

kepada jemaah hadir awal. Masjid dibuka seawal jam 11.45 pagi dan pagar masjid ditutup apabila kuota mencukupi. Dalam keadaan pandemik, disarankan agar kita tidak berada lama pada satu-satu tempat dalam satu-satu masa bersama ramai orang. Oleh itu, amalan itu dicadangkan diubah kepada sistem tempahan dan penggiliran bagi meminimumkan jumlah jemaah pada satu-satu masa.

Dalam konteks tambahan iaitu sumbangan ke tabung masjid, disarankan ia hanya menggunakan perbankan dalam talian, bukan lagi tabung fizikal, terutama tabung bergerak ketika solat Jumaat. Pandemik COVID-19 menyebabkan kita perlu mengamalkan norma baharu untuk memutuskan rantaian jangkitan. Kita tidak harus terus merungut dengan SOP terbabit, sebaliknya cuba menyesuaikan diri secara kreatif dan inovatif. Walaupun sukar mendengar ceramah dan memberi sumbangan di masjid, kita boleh menggunakan teknologi. Untuk solat berjemaah, cuba dapatkan slot di masjid atau kita boleh berjemaah bersama ahli keluarga di rumah. Bagi institusi masjid dan surau, SOP perlu dibuat berdasarkan situasi semasa, saiz ruang serta jumlah pekerja atau sukarelawan. Satu SOP tidak boleh diguna pakai oleh semua masjid atau surau.

## DAFTAR PUSTAKA

Al-Quran Al-Karim.

Abd Hakim Mohad, Ros Aiza Mohd Mokhtar, L. A. L. (2020). Pandemik Covid-19 dan Kesannya Kepada Amalan Solat Berjemaah Dalam Kalangan Masyarakat Islam di Malaysia. *Pusat Pengajian Teras, Fakulti Kepimpinan Dan Pengurusan, USIM, October*, 501–505.

Burhanuddin Jalal, Amnah Saayah Ismail, Sayuti Ab Ghani, M. H. S. & E. A. J. (2019). Isu Covid-19 Dalam Kandungan Ceramah Agama Pendakwah Malaysia Di Youtube. *Bicara Dakwah Kali Ke 21: Dakwah Dalam Talian Semasa Pandemik*, 91–109.

Dato` Haji MD. Rofiki B Dato` Haji A. Shamsuddin. (2020). Garis Panduan Pelaksanaan Solat Jumaat di Masjid dan Surau Jumaat Negeri Johor Darul Ta'zim Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) Bagi Memutuskan Rantaian Covid-19. *Jabatan Agama Islam Negeri Johor*, 1–12.

Halim Bin Mokhtar. (2020). Edisi Solusi Islam: Sinar 2021 Pasca COVID-19. *Majlis Agama Islam Selangor*.

Hasna Bidin, Ahmad Syukran Baharuddin, M. I. M. (2016). Ikhtilaf Hukum Solat Fardu Berjemaah Menurut Mazhab Syafie : Satu Sorotan Kajian. *UMRAN - International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 3(1), 49–61.

Hilmi Bin Ismail. (2010). Pengamalan Solat Fardhu Di Kalangan Mahasiswa Di TATi University College (TATiUC), Kemaman, Terengganu. *Jabatan Fiqh Dan Usul Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur*.

Kementerian Kesihatan Malaysia. (2020). Pembudayaan Norma Baharu Dalam Komuniti Bagi Mencegah Penularan Covid-19. *Portal Rasmi Kementerian Pembangunan Luar Bandar*. <https://www.rurallink.gov.my/arkib-pengumuman/e-book-pembudayaan-norma-baharu-dalam-komuniti-bagi-mencegah-penularan-covid-19/>.

Mohd Arshad (1999). Solat Fardhu sebagai Wadah Jamaah dan Perpaduan Ummah. Penulisan Ilmiah.

Mohammad Zaini Yahya. et al. (2014). Tafsir Maudhu'iy : Ibadah. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mualimin Mochammad Sahid, Fettane Amar, & Ahmad Syukran Baharuddin. (2020). Aplikasi Kaedah-Kaedah Fiqh Dalam Isu-Isu Semasa Pandemik COVID-19. *International Seminar on Syariah and Law (INSLA)*, 3(1), 535–543.

Mualimin Mochammad Sahid, Hasnizam Hashim, & Fettane Amar. (2020). Prinsip Keluarga Islam Mendepani Norma Baharu Semasa Pandemik Covid 19. *Faculty of Syariah and Law, Universiti Sains Islam Malaysia, October*, 194–206.

Muhammad Safwan Harun, Luqman Haji Abdullah, Syed Mohd Jefferi Syed Jaafar, M. F. M. A. (2020). Analisis Larangan Aktiviti Keagamaan di Masjid Dalam Peruntukan (PKP) Berdasarkan Parameter Maqasid Al-Shariah. *17(2)*, 231–266.

Noor Syahidah Binti Mohamad Akhir (Dr), Nurazlina Binti Abdul Rashid, S. B. A. B. (2016). Solat Jemaah: Kajian Terhadap Pengetahuan dan Penghayatan Mahasiswa UITM Kedah. *Voice of Academia*, 11(1), 51–60.

Nur Faridah binti Abdullah @ Zakaria. (2016). Amalan Solat Fardhu Murid Tahun Tiga di Sekolah Rendah. *Usim, Nilai*. [http://ddms.usim.edu.my/bitstream/123456789/12610/1/Amalan Solat Fardhu Murid Tahun Tiga Di Sekolah Rendah.pdf](http://ddms.usim.edu.my/bitstream/123456789/12610/1/Amalan%20Solat%20Fardhu%20Murid%20Tahun%20Tiga%20Di%20Sekolah%20Rendah.pdf).

Pejabat Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, H. E. A. (2020). Isu Penjarakan Fizikal Semasa Solat Berjemaah Di Surau Dan Masjid. *Putrajaya, Malaysia*. [https://mira.gov.my/wp-content/uploads/2020/11/AI-Bayan\\_SIRI-6\\_FINAL-4\\_compressed.pdf](https://mira.gov.my/wp-content/uploads/2020/11/AI-Bayan_SIRI-6_FINAL-4_compressed.pdf).

World Health Organization. Coronavirus Disease (COVID-19) Pandemic. <https://www.worldometers.info/coronavirus/>.

YB Senator Datuk Dr. Zulkifli, M. A.-B. (2020). Soal Jawab Fiqh Covid-19. *Pejabat Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)*. <https://mira.gov.my/wp-content/uploads/2020/06/Fiqh-Covid-19.pdf>.